

06 NOV 1998

ABDULLAH BADAWI KETUAI UMNO PULAU PINANG

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Naib Presiden UMNO Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini diumumkan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Abdullah dilantik bagi menggantikan bekas Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada parti pada 3 Sept lepas, sehari selepas beliau dilucutkan daripada jawatan dalam kerajaan.

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat malam ini juga melantik pemangku Ketua Pemuda Datuk Hishammuddin Hussein sebagai anggota baru Majlis Tertinggi.

Pada mesyuarat MT bulan lepas, Majlis Tertinggi melantik Hishammuddin sebagai pemangku Ketua Pemuda menggantikan Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang meletak jawatan.

--BERNAMA

ARA MAI